



**LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN  
RABU 21 DISEMBER 2022**

<b>BIL</b>	<b>TAJUK KERATAN AKHBAR</b>	<b>KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI</b>
1.	RM15 JUTA TERUSKAN JUALAN MURAH, SELANGOR KINI -ONLINE	LEMBAGA PEMASARAN PERTANIAN PERSEKUTUAN (FAMA)
2.	PENTERNAK ALAMI KERUGIAN RM25,000, NEGARA, KOSMO -7	LAIN-LAIN
3.	MALAYSIA TO IMPORT UP TO 10 MILLION CHICKEN EGGS DAILY FROM INDIA TOMORROW, NEWS, MALAYSIAN NANBAN -1,13	
4.	DUA HINGGA 10 JUTA TELUR DIIMPORT SEHARI, DEWAN RAKYAT, SH -17	
5.	SAMPEL TELUR IMPORT BEBAS WABAK?, DALAM NEGERI, UM -7	
6.	KARTEL TELUR: KENA BERANI UBAH DASAR - ANWAR, NASIONAL, SH -6	
7.	IMPORT 10 JUTA TELUR AYAM, NEGARA, KOSMO -5	
8.	IMPORT SEHINGGA 10 JUTA TELUR SEHARI MULAI ESOK, NASIONAL, BH -4	
9.	REALISING STATE'S FOOD BASKET GOAL, NEWS, THE STAR -4	

UKK MAFS

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT  
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN  
(UNTUK EDARAN DALAMAN MAFS, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)



21 DEC, 2022

## Jualan lebih kerap, tambah produk

SelangorKini, Malaysia

Page 1 of 3

# RM15 juta teruskan jualan murah

Jelajah Ehsan Rakyat diteruskan selama tiga bulan mulai 15 Januari dengan menambah jenis produk selain barangan basah. Program tersebut memanfaatkan kira-kira 800,000 penduduk bagi meringankan beban orang ramai

**MUKA 3**



21 DEC, 2022

## Jualan lebih kerap, tambah produk

SelangorKini, Malaysia

Page 2 of 3

Kerjasama dengan dua kementerian

# Jualan lebih kerap, tambah produk

Oleh **NOORASYIDAH ARSHAD**

**SHAH ALAM** - Peruntukan antara RM10 hingga RM15 juta disediakan bagi meneruskan program jualan murah selama tiga bulan mulai 15 Januari.

Dato' Menteri Besar Dato' Seri Amirudin Shari menjelaskan Jelajah Ehsan Rakyat 2.0 yang menawarkan produk harga lebih rendah daripada pasaran memanfaatkan kira-kira 800,000 penduduk.

Beliau berkata kerjasama dengan Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan serta Kementerian Perdagaa-

ngan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup dibuat bagi menyediakan lebih banyak produk disediakan.

"Saya juga akan berbincang dengan pembekal bagi membolehkan roti dijual pada harga lebih rendah daripada pasaran.

"Program ini bersifat sementara. Mungkin maksimum sehingga tiga bulan atau menjelang sambutan Aidilfitri," katanya dalam majlis penghargaan di sini pada 13 Disember.

Amirudin berkata program itu mungkin diadakan lebih dari sembilan daerah sehari dengan kerjasama Lembaga Pem pasaran Pertanian Persekutuan (Fama)

dan Koperasi Warga Hijrah Selangor (KoHijrah).

"Fama dan KoHijrah memiliki kemudahan lain seperti tapak niaga dan lori. Kalau ada keperluan, kita tambah memandang ramai penduduk mahu program diadakan lebih kerap," katanya.

Amirudin menambah program yang berlangsung antara September hingga November memberi manfaat kepada lebih dua juta penduduk negeri.

Katanya, jualan murah barangan asas fasa pertama melibatkan 693 lokasi sekitar 56 Dewan Undangan Negeri (DUN) mencatat nilai jualan melebihi RM16 juta.



21 DEC, 2022

## Jualan lebih kerap, tambah produk

SelangorKini, Malaysia

Page 3 of 3

### SUMMARIES

RM15 juta teruskan jualan murah

Jelajah Ehsan Rakyat diteruskan selama tiga bulan mulai 15 Januari dengan menambah jenis produk selain barangan basah. Program tersebut memanfaatkan kira-kira 800,000 penduduk bagi meringankan beban orang ramai MUKA 3

Kerjasama dengan dua kementerian

SHAH ALAM - Peruntukan antara RM10 hingga RM15 juta disediakan bagi meneruskan program jualan murah selama tiga bulan mulai 15 Januari. Dato' Menteri Besar Dato' Seri Amirudin Shari menjelaskan Jelajah Ehsan Rakyat 2.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
21/12/2022	KOSMO	NEGARA	7

4,000 ekor ayam mati, ladang ternakan dinaiki air

# Penternak alami kerugian RM25,000

Oleh ROHANA MOHD. NAWI

**KOTA BHARU** – Seorang penternak ayam mengalami kerugian kira-kira RM25,000 apabila kesemua 4,000 ekor ayam ternakannya mati akibat ditenggelami banjir di Kampung Beris Arab, Pengkalan Chepa di sini kelmarin.

Nik Kamal Raja Hassan, 60, berkata, kesemua ayam yang mati dianggarkan berusia dalam lingkungan dua minggu hingga 35 hari.

Menurutnya, dia menyedari ayam-ayam tersebut mati kira-kira pukul 9 malam selepas dihubungi pekerjanya apabila air banjir sudah memasuki reban yang dibina setinggi satu meter.

“Saya terus bergegas ke reban dan cuba menyelamatkan haiwan tersebut yang dilihat cuba berenang, malah ada yang sudah mati ekoran ditenggelami air.

“Saya amat terkilan kerana tidak sempat menyelamatkan kesemua ayam ternakan kerana paras air meningkat dengan cepat dengan arus deras,” katanya ketika ditemui Kosmo di sini semalam.

Nik Kamal yang juga pesara guru berkata, dia hanya mampu melihat bangkai-bangkai ayam itu, lebih-lebih lagi 2,000 ekor sepatutnya sudah boleh dijual.

Katanya, mengikut perancangan, pemborong akan datang mengambil 2,000 ekor ayam, namun terkandas berikutan laluan

masuk ke kawasan ternakan dinaiki air.

“Saya tidak jangka air naik di kawasan ini kerana penduduk setempat memaklumkan, tempat ternakan ayam yang saya usahakan ini tidak pernah terjejas banjir sebelum ini.

“Saya baru menternak ayam pertengahan tahun ini selepas mendapat bekalan anak ayam dari Pulau Pinang. Saya hanya sempat menjual sebanyak 2,000 ekor untuk peringkat pertama pada Oktober lalu,” katanya.

Kata Nik Kamal, dia berharap agar agensi terlibat dapat menyalurkan bantuan segera bagi meringankan bebanan yang kini ditanggungnya selepas mengalami kerugian besar.



ANTARA bangkai ayam yang terapung selepas sebuah ladang ternakan di Kampung Beris Arab, Pengkalan Chepa, Kota Bharu dinaiki air kelmarin.

Headline	Malaysia to import up to 10 million chicken eggs daily from India tomorrow		
MediaTitle	Malaysian Nanban		
Date	21 Dec 2022	Color	Full Color
Section	News	Circulation	65,000
Page No	1,13	Readership	415,000
Language	Tamil	ArticleSize	208 cm <sup>2</sup>
Journalist	N/A	AdValue	RM 1,210
Frequency	Daily	PR Value	RM 3,631



## நாளை தொடங்கி இந்தியாவிலிருந்து | கோடி முட்டைகள் இறக்குமதி



கோலாலம்பூர்,  
டிச. 21-  
நாளை  
வியாழக்கிழமை  
தொடங்கி  
இந்தியாவிலிருந்து  
20 லட்சத்திலிருந்து  
1 கோடி வரையிலான  
கோழி முட்டைகளை

அரசாங்கம் இறக்குமதி செய்யும் என்று பிரதமர்  
டத்தோ ஸ்ரீ அன்வார் இப்ராஹிம் அறிவித்தார்.  
ஏற்கெனவே நாமக்கல்லிலிருந்து இந்த  
முட்டைகள் இறக்குமதியாகும் என்று அரசாங்கம்

பக்கம்  
**13**

Headline	Malaysia to import up to 10 million chicken eggs daily from India tomorrow		
MediaTitle	Malaysian Nanban		
Date	21 Dec 2022	Color	Full Color
Section	News	Circulation	65,000
Page No	1,13	Readership	415,000
Language	Tamil	ArticleSize	208 cm <sup>2</sup>
Journalist	N/A	AdValue	RM 1,210
Frequency	Daily	PR Value	RM 3,631

## முதல் பக்கத் தொடர்ச்சி

அறிவித்திருந்தது தெரிந்ததே. தமிழ்நாட்டில் நாமக்கல் கோழிப்பண்ணைகளின் முக்கிய வர்த்தக மையமாகும்.

கடந்த டிசம்பர் 15 ஆம் தேதி 1 லட்சம் முட்டைகளை இறக்குமதி செய்ய அரசாங்கம் அனுமதி வழங்கியிருந்தது. நாளை டிசம்பர் 22 ஆம் தேதி 20 லட்சத்திலிருந்து 1 கோடி எண்ணிக்கையிலான முட்டைகள் படிப்படியாக இறக்குமதி செய்யப்படும் என்றார் அவர்.

நாட்டில் நிலவும் மோசமான முட்டைத் தட்டுப்பாடு மற்றும் பற்றாக்குறையை நிவர்த்தி செய்ய இந்த முடிவு செய்யப்பட்டிருக்கிறது. குறிப்பாக பேரா, பினாங்கு, கிளந்தான், சிலாங்கூர், மலாக்கா ஆகிய மாநிலங்களில் முட்டைத் தட்டுப்பாடு மோசமடைந்திருக்கிறது என்று அறிவிக்கப்பட்டது.

## இந்தியாவிலிருந்து 1 கோடி...

பல பேரங்காடிகளிலும் சாதாரண மளிகைக் கடை தொட்டு எல்லா இடங்களிலும் முட்டைகள் கிடைக்கவில்லை என்று பொது மக்களும் வணிகர்களும் தங்கள் அதிருப்தியை வெளிப்படுத்தி வந்தார்கள்.

கடந்த டிசம்பர் 6 ஆம் தேதி பேசிய விவசாய மற்றும் உணவு பாதுகாப்பு அமைச்சர் முகமட் சாபு இப்போதைய தேவைகளை நிறைவு செய்ய ஒரு தற்காலிக திட்டமாக முட்டைகள் இறக்குமதி செய்யப்படுகின்றன.

இவை அனைத்தும் கடுமையான சோதிக்கப்படும் உள்நாட்டு பயனீட்டுக்கு அது சரியானதா? கிருமி தாக்கத்திலிருந்து விடுபட்டிருக்கிறதா? சுகாதாரமாக இருக்கிறதா? என்பதில் தீவிர சோதனை நடத்தப்படும் என்றும் அவர் தெரிவித்திருந்தார்.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
21/12/2022	HARIAN METRO	DEWAN RAKYAT	17

## Dua hingga 10 juta telur diimport sehari

**Kuala Lumpur:** Kerajaan bersetuju membawa masuk dua hingga 10 juta biji telur sehari dari luar negara mulai esok bagi membantu memenuhi keperluan bekalan negara.

Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim berkata, pengimportan bahan asas itu akan dilaksanakan sehingga bekalan dalam negara stabil.

“Dalam isu kos sara hidup, saya beberapa kali mempengerusikan Mesyuarat Majlis Tindakan Sara Hidup Negara (NACCOL) bagi memastikan kaedah terbaik dicapai supaya rakyat tidak terlalu terbeban dengan kenaikan harga barang dan bekalan makanan mencukupi.

“Sebagai permulaan, bagi mengatasi kekurangan bekalan telur dalam pasaran, kerajaan memutuskan untuk membenarkan pengimportan telur.

“Mulai 22 Disember pengimportan antara dua hingga 10 juta biji telur sehari akan dilaksanakan sehingga bekalan menjadi stabil,” katanya ketika membentangkan Rang Undang-Undang Kumpulan Wang Disatukan (Perbelanjaan Masuk Akaun) 2022 dan Usul Anggaran Perbelanjaan Pembangunan Sementara 2023 di Dewan Rakyat semalam.

Beliau berkata, kemasukan pertama pada 15 Disember lalu membabitkan sehingga 100,000 biji telur.



PENGIMPORAN bakal dilaksana sehingga bekalan stabil.



21/12/2022

UTUSAN

DALAM

7

MALAYSIA

NEGERI

# Sampel telur import bebas wabak?

Oleh **FAHMI FAIZ**

fahmi.faiz@mediamulla.com.my

**PETALING JAYA:** Kira-kira satu peratus atau 2,000 daripada keseluruhan 200,000 biji telur ayam yang dibawa masuk dari India baru-baru ini, diuji di makmal dan didapati bebas wabak selesema burung.

Sementara baki kira-kira 198,000 biji telur tidak dapat dihantar ke makmal dan sudah masuk ke pasaran tempatan, tanpa jaminan bebas wabak penyakit tersebut.

*Utusan Malaysia* difahamkan, berdasarkan maklumat daripada beberapa pemain industri telur tempatan yang terlibat dalam eksport produk itu, kerajaan menghadapi beberapa kekangan untuk menguji kesemua telur import itu.

"Saya difahamkan kerajaan

mendapati, setakat Jumaat lepas, semua 2,000 biji sampel telur import itu negatif wabak selesema burung," katanya.

Namun terdapat kebimbangan pihak industri kerana 198,000 biji telur import tidak dapat diuji bagi menjamin ia bebas wabak berbahaya itu.

Justeru, kata sumber, hal ini mendedahkan pengguna kepada risiko jika ada antara telur-telur itu berpenyakit.

"Memang saya difahamkan kerajaan tak boleh buat *sampling* terhadap semua 200,000 biji telur, sebab untuk uji kaji makmal, telur-telur kena dipecahkan. Jadi, tak akan kerajaan mahu pecahkan kesemua 200,000 biji.

"Ia tidak sama seperti ujian ke atas haiwan hidup.

"Untuk ujian haiwan, sampel darah yang diambil tanpa perlu membunuhnya. Tapi dalam kes



**Kerajaan tak boleh buat *sampling* terhadap semua 200,000 biji telur, sebab untuk uji kaji makmal, telur-telur kena dipecahkan."**

ujian makmal terhadap telur, ia perlu dipecahkan," katanya.

Sejak 16 Februari tahun ini, India melaporkan penularan wabak virus selesema burung H5N1 yang di ladang penyeliakan ayam di timur laut negeri Bihar.

Reuters yang memetik Per-tubuhan Kesihatan Haiwan Se-

dunia (OIE) berkata, virus itu setakat ini telah membunuh 787 daripada 3,859 ayam di ladang di Patna, mengakibatkan semua ternakan itu dimusnahkan.

Kemudian pada 14 Disember, agensi berita *Xinhua* melahuri watawatannya yang berpangkalan di New Delhi melaporkan, pihak berkuasa Kerala mula memusnahkan unggas di negeri itu berikutan wabak selesema burung.

Pemusnahan unggas tersebut dilakukan di daerah Kottayam, kira-kira 147 kilometer ke utara Thiruvananthapuram, ibu kota Kerala.

Menurut pegawai, 8,000 unggas dimusnahkan di kawasan Arpookkara dan Thalayazham di daerah itu.

Virus selesema burung H5N1 yang sangat patogenik disahkan merebak di dua kawasan

itu, selepas ujian yang dijalankan di Institut Penyakit Haiwan Keselamatan Tinggi Negara di Bhopal mengesahkan kehadiran virus itu dalam sampel yang dihantar dari daerah tersebut.

Jumaat lalu, Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan memberi kebenaran sementara kemasukan telur ayam dari sumber luar dan kebenaran itu akan dikaji semula apabila bekalan telur dalam negara kembali stabil.

*Utusan Malaysia* telah menghubungi National Institute of High Security Animal Diseases of India (NIHSAD) yang berpangkalan di Anand Nagar, Bhopal untuk mendapatkan penjelasan berhubung kes selesema burung di negara itu serta prosedur eksport telur ayam ke luar negara, dan masih menunggu maklum balas pihak mereka.

# Kartel telur: Kena berani ubah dasar - Anwar

Kerajaan juga akan import sekurang-kurangnya dua hingga 10 juta biji telur sehari bermula Khamis

## KUALA LUMPUR

Tindakan membiarkan pemain gergasi industri telur ayam menentukan harga dan pengeluaran mereka menjadi punca negara berdepan krisis kekurangan bekalan telur ketika ini.

Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim berkata, disebabkan 'lepas tangan' itu, syarikat-syarikat besar tersebut bertindak sebagai kartel yang mengawal pasaran telur berkenaan.

Justeru katanya, Kerajaan Perpaduan Malaysia yang dipimpinnya akan melihat isu tersebut secara serius dalam usaha untuk mengekang aktiviti kartel berkenaan.

"Masalah kita ini (krisis telur kerana) kartel. Kita meletakkan syarikat-syarikat (pengeluar telur) menentukan harga dan pengeluaran.

"(Selepas ini tidak boleh lagi) kita mesti ada kekuatan politik, tekad untuk menyatakan dalam dasar ekonomi ini kemasihiatan awam dan rakyat itu diutamakan," katanya ketika memertingkatkan Rang Undang-Undang



Menurut Anwar, jumlah import telur ayam sudah bermula sejak 15 Disember lalu dengan permulaan kemasukan import sebanyak 100,000 biji telur.

(RUU) Kumpulan Wang Disatukan (Perbelanjaan Masuk Akuan) 2022 dan Usul Anggaran Perbelanjaan Pembangunan Sementara 2023 di Dewan Rakyat pada Selasa.

Anwar dalam masa sama turut memaklumkan, kerajaan akan mengimport sekurang-kurangnya dua hingga 10 juta biji telur sehari bermula Khamis ini sebagai usaha menampung keperluan dan permintaan pasaran tempatan.

Ujarnya, jumlah import telur itu sudah bermula sejak 15 Disember lalu dengan permulaan kemasukan import sebanyak 100,000 biji telur.

"Maka kita sudah buat perubahan dengan memberikan import bermula pada 15 Disember, 100,000 biji telur

(import) dan mulai 22 Disember (Khamis), dua hingga 10 juta biji telur sehari akan dibawa masuk sehingga keadaan stabil dan keupayaan pengeluaran tempatan terjamin," katanya.

Media sebelum ini melaporkan, Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan, Mohamad Sabu berkata, Kementerian itu melaksanakan pelan jangka pendek dengan membawa masuk bekalan dari luar negara bagi menampung keperluan telur ayam dalam negara.

Malah Mohamad turut berkata, pihaknya mengenal pasti beberapa sumber dari luar untuk menampung keperluan bekalan dalam negara dengan kadar segera bagi memastikan keterjaminan telur ayam di pasaran.

Kerajaan mahu hapus penguasaan kartel

# Import 10 juta telur ayam

Oleh ZULKIFLI MANZOR

**KUALA LUMPUR** - Kerajaan membenarkan pengimportan telur ayam antara dua hingga 10 juta biji telur sehari mulai 22 Disember ini sehingga bekalan menjadi stabil dan keupayaan pengeluaran tempatan terjamin.

Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim berkata, kelulusan pengimportan itu bagi membolehkan rakyat tidak terlahu terbeban dengan kenaikan harga barang selain memastikan bekalan makanan mencukupi.

"Masalah kita adalah kartel. Meletakkan kepada syarikat-syarikat besar menentukan harga dan pengeluaran. Mesti ada kekuatan politik dan tekad kemaslahatan rakyat diutamakan," katanya di Dewan Rakyat semalam.

Sejak beberapa bulan lalu, isu kekurangan bekalan telur ayam berlaku hampir di setiap tempat di seluruh negara hingga menyukarkan pengguna dan peniaga untuk mendapatkan stok.

Pengguna ternyata terbeban dengan situasi tersebut apabila harga barangan tersebut semakin melambung selain catuan penjualan terpaksa dilakukan oleh pembeli bagi mengelak pembelian secara banyak oleh individu tertentu.



**ISU kekurangan telur ayam telah membelenggu pengguna dan peniaga di negara ini sejak beberapa bulan lalu hingga berlaku lonjakan harga melampau. - GAMBAR HIASAN**

Isu itu juga dilaporkan secara agresif oleh Kosmo! bagi menyuarakan isi hati rakyat yang tidak berpuas hati dengan harga runcit telur ayam sehingga membebankan mereka selain membolehkan segelintir peniaga berasaskan be-rangan itu seperti pembuat kek enggan meneruskan perniagaan.

Dalam pada itu, Anwar turut memaklumkan, cadangan pentadbiran kerajaan lalu mahu menaikkan tarif elektrik adalah bertentangan dengan Kerajaan Perpaduan kerana rakyat sedang terbeban dengan keadaan kos sara hidup.

Justeru, beliau memutuskan

tarik elektrik tidak dinaikkan ke-pada pengguna domestik, perusaha-an kecil dan sederhana serta pertanian kecuali kepada syarikat besar yang mempunyai pendapatan melebihi kadar layak mendapat subsidi. Kerajaan juga akan menanggung subsidi lebih RM10 bilion bagi tempoh 6 bulan.

## Sidang Dewan Rakyat

# Import sehingga 10 juta telur sehari mulai esok

**Langkah kerajaan bagi tampung permintaan pasaran tempatan, kawal harga**

**Kuala Lumpur:** Kerajaan akan mengimport sekurang-kurangnya dua juta hingga 10 juta telur sehari mulai esok untuk menampung keperluan dan permintaan pasaran tempatan selain bagi tujuan mengawal harganya.

Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim berkata, jumlah import telur itu sudah bermula sejak 15 Disember lalu dengan permulaan kemasukan import sebanyak 100,000 biji.

"Maka kita sudah buat perubahan dengan memberikan import bermula pada 15 Disember, 100,000 biji telur (import) dan mulai 22 Disember (Khamis), dua hingga 10 juta telur sehari akan dibawa masuk sehingga keadaan stabil dan keupayaan pengeluaran tempatan terjaga," katanya.

Beliau berkata demikian ketika membentangkan usul Rang Undang-Undang (RUU) Kumpulan Wang Disatukan (Perbelanjaan Wang Masuk) 2022 bagi bacaan kali kedua di Dewan Rakyat, semalam.

Sebelum ini, Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan, Mohamad Sabu memaklumkan kerajaan akan mengimport bekalan telur daripada beberapa negara sumber yang sudah dikenal pasti dengan segera bagi menjamin bekalan tempatan mencukupi.

Mengulas lanjut, Anwar berkata, isu kenaikan harga barang

khususnya telur ayam dan ayam sebelum ini berterusan hingga kini disebabkan faktor harga banyak ditentukan industri, bukannya kerajaan.

"Kita sudah adakan mesyuarat untuk kenaikan harga barang yang menjadi keperluan Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan dan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (Datuk Seri Salahuddin Ayub) untuk memastikan keperluan itu ada.

"Dalam beberapa minggu, ayam, telur pada 12 Disember, 15 Disember diimport. Ini masalahnya adalah kartel. Masalahnya menetapkan kepada syarikat besar untuk tentukan harga.

"(Justeru) mesti ada kekuatan politik, tekad untuk menyatukan dalam dasar ekonomi (untuk) maslahat awam dan orang ramai diberi keutamaan," katanya.

### Skim harga maksimum

Sementara itu, Salahuddin mengumumkan penguatkuasaan skim harga maksimum musim perayaan Krismas 2022 selama lima hari bermula Jumaat ini hingga Selasa depan.

Beliau berkata ia membabitkan 11 barangan iaitu ayam tua hidup, kepek ayam, daging kambing biri-biri bertulang import, tomato, lada benggala hijau, kubis bulat import, lobak merah, ubi kentang import, babi hidup (ladang sahaja), daging babi (perut) serta daging babi (daging dan lemak).

Penguatkuasaan kawalan harga maksimum bagi ayam tua hidup, kepek ayam, babi hidup (ladang sahaja), daging babi (perut) serta daging babi (daging dan lemak) banyak berfokus kepada bekalan di Sabah dan Sarawak serta Labuan.

"Barang ini kebanyakannya diimport dan permasalahannya



Salahuddin pada sidang media di Parlimen, semalam.

(Foto Mohamad Shahril Badri Saali/BH)

cukup tinggi di Sabah, Sarawak dan Labuan berbanding Semenanjung.

"Kementerian akan sentiasa membimbing dan memastikan harga dapat dilaksanakan pada peringkat pasar raya, pasar mini dan kedai runcit di kawasan pedalaman supaya barang ini dapat dibeli serta mengelak sebarang tindakan pencatutan harga," katanya pada sidang media di Parlimen, semalam.

Salahuddin berkata, bagi ayam tua hidup, harga kawalan pada peringkat runcit ditetapkan adalah RM8.10 sekilogram (kg), sementara kepek ayam adalah RM14 bagi sekilogram berbanding harga semasa RM16 sekilogram.

Bagi daging kambing biri-biri bertulang import pula katanya, harga kawalan adalah RM37 setiap kg, tomato (RM5 setiap kg), lada benggala hijau (RM14 setiap kg), kubis bulat import (RM4 setiap kg), lobak merah (RM4.50 se-

tiap kg) dan ubi kentang import, RM4 bagi sekilogram.

"Bagi babi hidup (ladang sahaja), harga kawalan runcit di Sarawak ditetapkan pada RM15 sekilogram, sama dengan harga pasaran ketika ini. Sementara Sabah dan Labuan RM19.50 setiap kg. Daging babi (perut), di Sarawak harga kawalan RM30 setiap dan Sabah serta Labuan adalah RM45 setiap kg.

"Daging babi (daging dan lemak), di Sarawak harga peringkat runcit adalah RM27 setiap kg, harga semasa adalah RM35 setiap kg. Sementara di Sabah dan Labuan pula, harga kawalan adalah RM38 setiap kg berbanding harga semasa RM45 setiap kg," katanya.

Sementara itu, beliau berkata, kementerian akan mengagihkan bantuan segera 'Food Bank' kepada mangsa banjir di seluruh negara dalam usaha meringankan beban mereka.

JOHOR

# Realising state's food basket goal

Stories by VENESA DEVI  
venesa@thestar.com.my

JOHOR wants to multiply its agricultural yield in the next five years to realise its aspiration to be the country's main food producer.

Mentri Besar Datuk Onn Hafiz Ghazi said agriculture was the only sector that recorded growth during the Covid-19 pandemic and contributed 12.9% or RM17bil to the state's gross domestic product (GDP).

"In line with the effort to make Johor the country's food basket and the region's food bank, we aim to increase the production of the food and agriculture industry.

"This includes increasing the production of fruits such as watermelon, papaya and banana by 32.46% to 948,535 metric tonnes a year and increasing vegetable yield by 32.87% to 181,807 metric tonnes a year," he said in his speech during the state assembly sitting in Kota Iskandar.

Onn Hafiz said the state also wanted to increase its aquaculture production by 62% and ruminant livestock production by 22.4%.

"As for dairy products, we aim to increase production by 88% in the next five years so

that we can produce some 17 million litres annually," he said.

On housing matters, the Mentri Besar said the state was working towards zero squatter houses in Johor by 2025.

"In order to realise this target, the state government has formed a task force to coordinate the relocation of people living in squatter houses.

"Among initiatives carried out by the task force are providing homes for the squatters through the Johor Perumahan Prhatin programme and offering existing affordable homes or people's housing project (PPR) units to those who are eligible.

"For example, all but four occupants of squatter homes at Lorong Aris Batu 8½ in Skudai have been offered PPR units.

"The four people who were not eligible were foreigners," he explained.

On property overhang in Johor, Onn Hafiz said the state would also set up a task force to solve the problem.

He said the task force would involve the State Economic Planning Division, Johor

## MB: Johor to step up agricultural production in next five years

"Based on initial findings, it was learnt that the unsold properties involved luxury apartments that target a certain segment of buyers.

"As such, the state government will form a task force to look into the matter.

"On top of that, we will also work closely with the Federal Government to study the implementation of the Malaysia My Second Home (MM2H) programme," he added.

Previously, state housing and local government committee chairman Datuk Mohd Ja'fari Md Shukor had urged the Federal Government to review the conditions for the MM2H programme as part of efforts to reduce the property overhang in Johor.

"We hope the Federal Government will review the stricter conditions set for the new MM2H programme, which was reactivated last year after being suspended in 2020.

"This will allow those outside the country to purchase these unsold properties that are within the higher price range," said Mohd Ja'fari.



Onn Hafiz: Agriculture was the only sector that recorded growth during the pandemic.

Housing Development Corporation, the Town and Country Planning Department (PLANMalaysia) as well as the Valuation and Property Services Department (PPH).

"The state government has analysed the data from the National Property Information Centre regarding unsold properties in Johor.